

DIMENSI KOOP

ISSN - 1823 - 1586 / BIL. 65 [2/2020] / RM8.50

TEKNOLOGI 5G

Impak kepada Koperasi
dan Usahawan



MS ISO 9001:2015 REG. No. QMS 01443



9 771823 000003



ISSN 1823-1586
RM 8.50
Bil.65 (2/2020)
www.ikm.edu.my

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN SEWA KEMUDAHAN DAN FASILITI UNTUK PELBAGAI PROGRAM DAN ACARA.

Maklumat lanjut sila hubungi:

**Unit Pengurusan Fasiliti
Institut Koperasi Malaysia**

103, Jalan Templer
46700 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-7964 9000
Faks: 03-7954 3957
Laman web: www.ikkm.edu.my

**Encik Datu Zahiruddin
Datu Tambuyong**
03-7964 9098

Puan Siti Halijah Aris
03-7964 9104

AUDITORIUM DATO' ABDUL MAJID



BILIK PENGINAPAN



DEWAN MAKAN



GELANGGANG FUTSAL



BILIK KULIAH



GELANGGANG PETANQUE



Dari Meja Ketua Editor



Syukur ke hadrat Ilahi dengan izin-Nya majalah Dimensi Koop bil. 65 (2/2020) dapat diterbitkan pada kali ini. Umum mengetahui bahawa dunia dikejutkan dengan penularan wabak COVID-19 yang memberikan kesan langsung kepada ekonomi dunia amnya dan khususnya di Malaysia. Pandemik COVID-19 jelas memberi kesan kepada perniagaan koperasi terutama dalam aktiviti pelancongan, pembuatan juga peruncitan. Sudah pasti ada hikmah di sebalik dugaan, sektor koperasi perlu mendepani situasi ini dan merencanakan semula ekonomi Malaysia dengan segera melalui strategi baharu dalam perniagaan. Usahawan koperasi perlu memanfaatkan krisis ini untuk menilai kembali struktur perniagaan sedia ada dengan melaksanakan inovasi ke arah norma perniagaan baharu.

Gerakan koperasi di Malaysia perlu mengadaptasikan IR 4.0 bagi memastikan perniagaan tempatan akan terus kekal berdaya saing dengan sokongan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan inovatif. Keluaran pada kali ini memaparkan artikel berkenaan peralihan penggunaan teknologi iaitu **Teknologi 5G: Impak kepada Koperasi dan Usahawan** di mana koperasi perlu bergerak pantas seiring dengan kelajuan teknologi 5G agar perniagaan terus kekal berdaya saing seperti perniagaan besar lain. Artikel mengenai **Youtube: Platform Video Pemasaran Digital Popular Kini** memfokuskan strategi pemasaran oleh usahawan digital melalui platform *youtube channel* sebagai *Youtuber* yang membantu menjana pendapatan lumayan dalam kalangan usahawan. Aktiviti peruncitan juga telah berubah ekor pandemik COVID-19 di mana koperasi perlu mengubah model perniagaan agar terus kekal relevan dalam pasaran semasa. Artikel **bertajuk Kedai Runcit dalam Talian: Pengaruh Faktor Situasi atau Norma Baharu?** memberi fokus kepada koperasi dalam mengubah cara perniagaan secara tradisional kepada penggunaan platform digital.

Menariknya keluaran pada kali ini adalah wawancara bersama **Koperasi Peserta FELCRA Paloh Berhad (KPPF)** yang berkongsi pengalaman tentang strategi pengurusan prestasi koperasi. Turut dipaparkan pada keluaran kali ini bertajuk **Menelusuri Cabaran dan Halangan Koperasi Sekolah sebagai Wadah Penjana Ekonomi dan Kepentingan dan Manfaat Penglibatan Mahasiswa dalam Koperasi Siswa** memberi pendedahan tentang strategi berkoperasi di peringkat sekolah dan universiti. Secara tidak langsung ia telah memberi impak positif dalam mengasah bakat kepimpinan dan pendedahan ilmu keusahawanan.

Antara lain dipaparkan juga rencana mengenai **Pelancongan di Hatyai: Peluang untuk Koperasi** dalam menjana pendapatan dengan menyediakan pakej secara *outbound* di luar negara. Terdapat juga rencana berkaitan pengukuhan kepimpinan organisasi iaitu **ABC dalam Kepimpinan Koperasi** khusus kepada pemimpin koperasi. Selain itu artikel berkaitan **Pengalaman Bawah Sedar Hebat Membina Kesetiaan Pelanggan** menerangkan strategi pemasaran dalam aspek kuasa berbelanja oleh pelanggan di samping mengekalkan kesetiaan mereka.

Mohd Zaib Mat Yunus

- Rujukan artikel boleh diperoleh daripada penulis
- Gambar yang terkandung di dalam majalah ini adalah tujuan ilustrasi sahaja.

SIDANG REDAKSI DIMENSI KOOP



PENAUNG/PENASIHAT

En. Mohd Roslan Bani Amin
Ketua Pengarah

KETUA EDITOR

En. Mohd Zaib Mat Yunus

TIMBALAN KETUA EDITOR

Pn. Azmaliza Arifin

SIDANG EDITOR

Pn. Salwana Ali
En. Faiz Ahmad Yatim
Pn. Noor Shafeeza Zainuddin
Pn. Norhayati Abd.Rahman
Pn. Nor Aslamiah Ali



En. Mohd Faisal Shariff
En. Asha'ari Arshad
Pn. Ayu Diana Awang
Pn. Nor Arma Abu Talib
Pn. Nor Alyani Abd Razak
En. Hasrin Abu Hassan

PEGAWAI PENERBITAN
Cik Zaharatul Laili Zakaria